
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PGA 103 - Guru, Sekolah dan Masyarakat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan semuanya. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. (a) Huraikan **SATU (1)** bantahan penduduk Tanah Melayu terhadap setiap laporan berikut yang dibuat semasa penjajahan British.
 - i) Laporan Cheeseman (1946)
 - ii) Laporan Barnes (1951)
 - iii) Laporan Fenn-Wu (1951)(10 markah)

- (b) Terangkan **LIMA (5)** ciri Laporan Razak (1956) berkenaan dengan perkembangan pendidikan yang dapat diterima oleh semua penduduk Tanah Melayu.(15 markah)

2. (a) Akta Pendidikan 1996 bertujuan mengadakan peruntukan dan peraturan yang berkaitan dengan pendidikan.
Berdasarkan kenyataan di atas, huraikan kesan Akta tersebut terhadap sistem pendidikan sekolah rendah dan menengah.(15 markah)

- (b) Terangkan **TIGA (3)** peranan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam perkembangan pendidikan di Malaysia.(10 markah)

3. (a) Terangkan **TIGA (3)** ciri pendidikan kebangsaan yang dapat mengwujudkan interaksi sosial yang erat dalam kalangan pelajar pelbagai etnik.(10 markah)

- (b) Huraikan **LIMA (5)** peranan sekolah sebagai sebuah institusi sosial bagi mengwujudkan perpaduan antara pelajar pelbagai etnik.(15 markah)

4. (a) Nyatakan **TIGA (3)** peranan Kementerian Pelajaran dalam meningkatkan sumber tenaga manusia. (10 markah)
- (b) Adakah pendidikan tinggi swasta telah berjaya dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara? Berikan **TIGA (3)** hujah untuk menyokong pendapat anda. (15 markah)
5. Bincangkan **TIGA (3)** implikasi dalam sistem pendidikan bagi setiap perkara berikut:
- (a) Laporan Keciciran Murad (1972)
- (b) Guru sebagai agen perubahan
- (c) Kepelbagaian budaya masyarakat
- (25 markah)